



*Memo*

LEMBAGA GETAH MALAYSIA  
MALAYSIAN RUBBER BOARD

**Kepada** : Semua Anggota LGM  
**Daripada** : Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia  
**Rujukan** : LGM/BPPKS/UPSM/A/0047  
**Tarikh** : 12 Mac 2018

**KENYATAAN UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA  
BILANGAN 10 TAHUN 2018**

**KEMUDAHAN CUTI UMRAH  
PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 3 TAHUN 2017**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan Mesyuarat Lembaga ke-113 telah bersetuju untuk menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2017 – Kemudahan Cuti Umrah **berkuatkuasa pada 1 Januari 2018**.

3. Pelaksanaan Kemudahan Cuti Umrah yang diberikan di bawah Pekeliling ini adalah :

- i. Bagi maksud menunaikan ibadah umrah di tanah suci Mekah dan ziarah di Madinah;
- ii. Cuti tanpa rekod yang diperuntukkan kepada pegawai perkhidmatan awam persekutuan yang beragama Islam dan bertaraf tetap;
- iii. Terhadap kepada maksimum tujuh (7) hari;
- iv. Tidak termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am;
- v. Pengiraan tujuh (7) hari bermula dari tarikh penerbangan sebenar ke Mekah/Madinah dan sekiranya tarikh penerbangan bermula pada hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan atau hari kelepasan am, maka pengiraan akan bermula pada hari bekerja berikutnya;
- vi. Bagi tempoh melebihi tujuh (7) hari, pegawai boleh memohon untuk menggunakan Cuti Rehat, Cuti Rehat Khas atau Cuti Tanpa Gaji tertakluk kepada kelayakan cuti pegawai;
- vii. Kemudahan Cuti Umrah diberikan sekali sahaja (*one-off*) sepanjang tempoh perkhidmatan meliputi perkhidmatan di bawah semua Pihak Berkuasa Melantik. Sekiranya tempoh Cuti Umrah yang digunakan adalah kurang daripada tujuh (7) hari, baki cuti yang tidak digunakan luput dan tidak boleh dibawa ke hadapan;

- viii. Permohonan Cuti Umrah mesti melalui Ketua Unit masing-masing dengan disertakan dokumen perjalanan. Borang permohonan yang lengkap hendaklah dihantar ke Unit Pengurusan Sumber Manusia untuk pengesahan kemudahan ini belum digunakan dan seterusnya akan dikemukakan kepada Ketua Pengarah LGM untuk kelulusan;
- ix. Kelulusan adalah tertakluk kepada keperluan dan kepentingan perkhidmatan dan kemudahan. Cuti Umrah ini akan direkodkan dalam Buku Rekod Perkhidmatan pegawai;
- x. Bagi anggota yang telah menggunakan cuti rehat sendiri pada awal tahun 2018 untuk tujuan menunaikan umrah, boleh memohon untuk menggunakan kemudahan ini kepada UPSM melalui Ketua Unit masing-masing.

Sekian, terima kasih .

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”  
“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”**



**(NURUL HUDA BINTI ABDUL HAMID)**

---

s.k Y Bhg. Ketua Pengarah  
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Operasi)  
Pengaruh- Pengarah Bahagian